

## Keganasan tiada tempat

SHAH ALAM - Suruhanjaya Hak Asasi manusia (Suhakam) menegaskan sebarang bentuk keganasan tidak mempunyai tempat dalam masyarakat di negara ini.

Pesuruhjayanya, Jerald Joseph berkata, mengancam atau menggugat keselamatan mana-mana pihak adalah satu bentuk kesalahan jenayah.

"Tiada siapa berhak membuat keputusan untuk menjadi penguat kuasa atau penghukum dalam masyarakat kita," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Beliau mengulas insiden seorang lelaki memukul wanita di sebuah hentian bas kerana tidak menutup aurat dengan sempurna.

Jerald turut memuji tindakan wanita-wanita lain di lokasi kejadian yang menghalang lelaki berkenaan daripada terus bertindak.

"Tahniah kerana bersatu menentang lelaki itu," katanya.

## Wanita perlu tahu hak mereka

SHAH ALAM - Wanita di negara ini perlu tahu hak dan undang-undang yang melindungi mereka sekiranya berlaku jenayah kekerasan.

Presiden Persatuan Wanita Inspirasi Negara, Norhimah Aziz berkata, sekiranya dikasari lelaki, mereka perlu membuat laporan kepada pihak berwajib.

"Sebagai contoh jika mereka diganggu di pejabat, rakan perbuatan pelaku. Selepas ada bukti buat laporan kepada pihak berwajib seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

"Kalau kes kekerasan luar dari tempat kerja, anda boleh ke balai polis untuk melaporkan dan kemudian ke hospital bagi pemeriksaan kesihatan. Kalau takut, minta tolong saksi dan perlu diingatkan wanita ada banyak saluran seperti Talian Nur dan pertubuhan bukan kerajaan wanita," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Katanya, masih ramai pekerja di negara ini tidak mengetahui mereka sebenarnya dilindungi di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1995 (Akta 514).

"Akta ini menggariskan bahawa majikan perlu menyediakan dan memastikan tempat kerja itu selamat untuk pekerjaannya. Sebagai contoh, jika berlaku gangguan seksual di tempat kerja oleh majikan atau rakan sekerja, anda perlu tahu, anda dilindungi akta ini," katanya.

Mengulas insiden wanita yang dipukul seorang lelaki di perhentian bas kerana tidak menutup aurat dengan



NORHIMAH

sempurna, Norhimah berkata, tindakan itu tidak betul kerana ia di luar norma manusia.

"Kita ada adab dalam menegur dan Rasulullah SAW tidak menegur dengan cara begitu. Sebagai individu bergelar Islam, kita perlu tahu budaya dan etika menegur itu lebih-lebih lagi di khalayak umum.

"Memang benar dalam al-Quran ada menyebut mengenai aurat wanita dan ia wajib ditutup tetapi, ALLAH tidak menyuruh kita (umatnya) mengambil alih tugas menghukum itu. Sepatutnya kita tegur berhemah dan bukan memukul," katanya.

Menurutnya, kewujudan akta yang melindungi wanita bukan bertujuan menyebelahi mereka dan menindas lelaki tetapi disebabkan wanita adalah kaum yang lemah.

"Kalau kita lihat di dada-dada akhbar, pelbagai kes penganiayaan dan kekerasan berlaku. Wanita perlu lengkapkan diri dengan ilmu tentang hak dan ke mana perlu pergi jika berlaku jenayah kekerasan," katanya.

# Jangan ekstrem dalam berdakwah

MUHO HAFIZ ISMAIL

SHAH ALAM - Dakwah adalah menyeru dan mengajak umat manusia menjadi lebih baik, bukan menakut-nakuti mereka dengan berbagai ancaman.

Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM, Datuk Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim berkata, individu yang ingin berdakwah perlu mempelajari kaedah yang betul bagi mengelakkan Islam dipandang serong.

"Kita telah diajar Islam untuk mengajak orang ke arah kebaikan dan melarang kemungkaran dengan berhemah. Jangan ekstrem dalam berdakwah takut nanti nampak keji.

"Kita boleh berdakwah tapi perlu kena dengan kaedah mendekati orang itu iaitu kita bersahabat dengan orang itu dan bercakap dengan penuh hikmah. Tidak bersifat paksaan tetapi lebih kepada toleransi dan kasih sayang agar orang lebih muda menerima dan beramal dengan Islam tanpa ada paksaan atau kekerasan," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

## Amalan menegur digalakkan tapi perlu berhemah, bijak

KUANTAN - Amalan tegur-menegur digalakkan di dalam Islam namun dengan cara berhemah dan penuh kebijaksanaan, kata Mufti Pahang, Datuk Seri Dr Abdul Rahman Othman.

Beliau berkata, menegur sesuatu perkara baik lagi terpuji dan dalam Islam, tindakan itu jelas menunjukkan seseorang itu mempunyai keberanian dalam menegakkan sesuatu hukum agama.

"Kita digalakkan menegur atau memberi peringatan sesama umat dengan menggunakan pelbagai cara termasuklah menegur dengan tangan. Jika tidak berjaya boleh menggunakan lidah dan seterusnya dengan hati.

"Sikap menegur memang perkara baik dan saya memuji orang yang cuba berbuat demikian tetapi perlu bijak bagi



Video yang tular menunjukkan seorang lelaki menampar seorang wanita tidak memakal tudung.

semalam.

Sebelum ini tular rakaman video di media sosial, seorang lelaki bertindak memukul wanita di satu perhentian bas hanya kerana tidak menutup aurat dengan sempurna sehingga menimbulkan rasa kurang

senang dalam kalangan rakan-rakan mangsa.

Kejadian yang dirakam oleh salah seorang rakan mangsa dikatakan berlaku di sebuah hentian bas di Pulau Pinang dan mendapat pelbagai reaksi daripada netizen.

Insiden tersebut turut

mengelak pergaduhan dan masam muka," katanya.

Menurutnya, tegur menegur perlu diambil perhatian bagi kedua-dua belah pihak.

"Kekecohan atau sebarang pergaduhan tidak sepatutnya berlaku kerana mereka yang ditegur juga perlu menerima malah seharusnya berdoa kepada ALLAH SWT dan berterima kasih kerana ada insan cuba menegur ke jalan lebih baik.

"Mereka (orang yang ditegur) tidak perlu berlawan atau naik angin sekiranya perkara yang dilakukan ternyata salah di sisi agama, harus menerima dengan lapang dada.

"Pernah sahabat Nabi Muhammad SAW menerima teguran namun mereka berdoa kepada ALLAH SWT se-

dilaporkan media antarabangsa dan menimbulkan pandangan negatif mengenai orang Islam di negara ini.

Mengulas perkara tersebut, Mohd Izhar berkata, tidak ada manusia normal di dunia ini suka ditegur dengan cara kasar dan ditengking.

"Kita perlu tunjuk contoh baik agar Islam dapat dilihat dengan penuh keharmonian oleh semua pihak," katanya.

Sementara itu, Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad berkata, pendekatan berdakwah dengan lebih terancang harus digunakan terhadap muslimah yang tidak menutup aurat.

Katanya, kesedaran untuk menutup aurat terutama berhijab adalah satu perkara yang baik namun sekiranya masih ada kekurangan dalam soal pemakaian, ia harus ditegur dan dinasihati dengan cara yang betul.

"Kita mahu mereka lebih terbuka hati untuk menuruti syariat Islam yang sebenar bukannya. Jadi tidak perlu kita mengecam jika cara mereka berpakaian masih tidak mengikut apa yang dituntut agama," katanya.

bagi tanda terima kasih dan berharap dapat memperbaiki diri hasil teguran tersebut," katanya.

Abdul Rahman berkata, sekiranya masyarakat sekarang sudah tidak boleh menerima sebarang teguran, ia adalah sesuatu yang berbahaya.

Sementara itu, bagi pendakwah bebas, Nik Ibrahim Nik Abdullah berkata, manusia tidak mudah untuk berubah dengan menerima satu teguran.

"Mereka yang ditegur itu mungkin jahil dalam agama, dididik luar daripada lingkungan keagamaan atau sebagainya hingga menyebabkan sukar untuk menerima.

"Justeru, untuk menegur seseorang itu perlu menggunakan kebijaksanaan dan beradab terutama perkara membabitkan hukum agama.

"Di samping berhadapan dengan manusia yang mempunyai perasaan, ia juga bagi mengelakkan kita menjatuhkan aib orang lain, lebih-lebih kalau dilakukan di khalayak ramai," katanya.



ABDUL RAHMAN